



30 Jun 2008

**NOTIS PEMBERITAHUAN AELB
BIL. 3/2008**

**TERIMA PAKAI *CODE OF CONDUCT ON THE SAFETY AND SECURITY OF
RADIOACTIVE SOURCES* DAN DOKUMEN-DOKUMEN;**

- I. CATEGORIZATION OF RADIOACTIVE SOURCES (IAEA-TECDOC-1344)***
- II. SECURITY OF RADIOACTIVE SOURCES (IAEA-TECDOC-1344)***
- III. GUIDANCE ON IMPORT/EXPORT OF RADIOACTIVE SOURCES***

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen AELB mengenai penerimaan dokumen Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) iaitu *Code Of Conduct On The Safety And Security Of Radioactive Sources (CoC,)*, 2004 dan dokumen-dokumen yang menyokong implementasi penuh CoC iaitu *Categorization Of Radioactive Sources, Security of Radioactive Sources* dan *Guidance On Import/Export Of Radioactive Sources* yang akan dilaksanakan dalam proses perlesenan dan penguatkuasaan melalui perincian dalam Syarat Lesen.

LATARBELAKANG

2. Lembaga telah bersetuju dalam mesyuaratnya untuk terima pakai CoC dan dokumen sokongannya pada Mesyuarat Lembaga ke 59 Bil. 2/2007 pada tarikh 16 Ogos 2007.

3. Persetujuan telah dicapai bagi meningkatkan kawalan sekuriti termasuk pengkategorian punca radioaktif berdasarkan risiko keselamatan apabila berlakunya pencerobohan sekuriti. Kaedah penambakan terhadap prosedur import/eksport punca radioaktif juga akan turut dilaksanakan.

4. Pengumuman kepada pemegang lesen juga telah dilaksanakan semasa penganjuran *The National Convention on Nuclear & Radioactive Material Safety, Security & Safeguards* pada 10 Disember 2007 berhubung penerimaan CoC dan dokumen-dokumen berkaitan pengkategorian punca radioaktif dan panduan import/eksport punca radioaktif berkuatkuasa pada tahun 2008.

ARAHAN AELB

5. Semua Pemegang Lesen telah diminta untuk mengambil langkah-langkah berikut bagi memastikan pematuhan kepada CoC dan dokumen sokongannya;

No.	Tindakan
i.	Melaksanakan elemen sekuriti punca radioaktif di dalam Syarat Lesen. Peruntukan sekuriti punca radioaktif adalah diminta agar dibuat selari dengan kategori punca radioaktif seperti di dalam panduan IAEA (<i>Categorization of radioactive sources-IAEA-TECDOC-1344</i>).
ii.	Mengikuti Silibus Latihan dan Ujian Pegawai perlindungan Sinaran yang turut mencakupi elemen sekuriti
iii.	Memasukkan Elemen sekuriti ke dalam Program Perlindungan Sinaran selari dengan <i>Security of Radioactive Sources</i> (IAEA-TECDOC-1355) .
iv.	Mengikuti aktiviti pemeriksaan AELB berdasarkan Prosedur dan Borang Pemeriksaan yang dikemaskini dengan aspek periksaan dengan elemen sekuriti.
v.	Mengikuti kriteria kelulusan permohonan Import/Eksport/Pergerakan Punca Radioaktif yang dikemaskini oleh AELB supaya selari dengan <i>Guidance On Import/Export Of Radioactive Sources</i>

6. Semua pemegang lesen juga perlu lebih proaktif untuk memahami kehendak dan keperluan bagi mematuhi CoC dan dokumen sokongannya dan menghadiri latihan-latihan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

PENGUATKUASAAN KEPUTUSAN

7. Semua Pemegang Lesen hendaklah mengambil maklum dan melaksanakan keputusan di atas efektif pada **1 Januari 2009** . Pemegang lesen sedia ada diberi tempoh pelaksanaan secara berperingkat selama dua tahun bagi implementasi penuh elemen sekuriti. Manakala, bagi permohonan lesen baru, pelaksanaan keperluan CoC dan dokumen sokongannya adalah efektif serta-merta pada **1 Januari 2009**.

PENUTUP

8. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Pengarah
Bahagian Dasar, Kod dan Standard
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kompleks Ibu Pejabat AELB
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil, Selangor
e-mel : pauzi@aelb.gov.my
<http://www.aelb.gov.my>